



6 Ogos 2013
6 August 2013
P.U. (A) 262

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 10) 2013

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 10) ORDER 2013



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECCUALIAN) (NO. 10) 2013

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [Akta 53], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengeccualian) (No. 10) 2013**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 12 Ogos 2013.

Pengeccualian

2. (1) Menteri mengeccualikan BNM Kijang Berhad atau mana-mana pemegang Sukuk Kijang daripada pembayaran cukai pendapatan dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran berhubung dengan apa-apa pendapatan yang diperoleh daripada Sukuk Kijang.

(2) Tiada apa-apa dalam subperenggan (1) boleh melepaskan atau disifatkan telah melepaskan BNM Kijang Berhad atau pemegang Sukuk Kijang daripada mematuhi apa-apa kehendak untuk mengemukakan apa-apa penyata atau penyata akaun atau memberikan apa-apa maklumat lain di bawah peruntukan Akta.

(3) Bagi maksud Perintah ini, “Sukuk Kijang” ertinya sekuriti Islam yang mempunyai nilai nominal sehingga dua ratus lima puluh juta dolar Amerika Syarikat (USD\$250,000,000) yang diterbitkan atau akan diterbitkan mengikut prinsip Syariah Ijarah oleh BNM Kijang Berhad.

Ketidakkpakaian

3. Peruntukan seksyen 109 dan 109B Akta tidak terpakai bagi pendapatan yang dikeccualikan di bawah Perintah ini.